

## 5 galakan pelancongan kesihatan

Oleh Anwar Hussin dan Azli Ayob  
bhnews@bharian.com.my

### Potongan cukai 100 peratus antara strategi diumumkan PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan lima langkah baru, termasuk pengecualian cukai 100 peratus daripada perbelanjaan modal untuk pembinaan dan pengubahsuaian hospital bagi meningkatkan industri pelancongan kesihatan negara.

Perdana Menteri berkata, langkah yang diperkenalkan itu adalah bagi memastikan peluang Malaysia menjadi peneraju utama dalam industri pelancongan kesihatan di rantau ini.

Empat langkah lain yang diperkenalkan:

- Permit pekerja secara automatik akan diberi kepada isteri atau suami rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dalam bidang perubatan;
- Kementerian Kesihatan, Majlis Perubatan Malaysia dan Persatuan Hospital Swasta perlu menyemak semula garis panduan dan peraturan pengiklanan kesihatan;
- Hospital swasta yang menubuhkan Unit Pesakit Antarabangsa layak mendapat insentif;
- Kerajaan memberikan potongan cukai berganda ke atas perbelanjaan yang ditanggung hospital berkenaan bagi mendapatkan pensijilan akreditasi antarabangsa.

Najib berkata, langkah diperkenalkan kerajaan itu diharap dapat meningkatkan lagi pengembangan industri pelancongan kesihatan di negara ini mulai tahun depan.

¶ Bagi melayakkan diri untuk mendapat insentif ini, hospital terbabit perlu mendaftar dengan Kementerian Kesihatan bagi menggalakkan industri pelancongan kesihatan.

¶ Insentif ini diberikan kepada mana-mana permohonan yang diterima kerajaan mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2014,¶ katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Ketua Pegawai Eksekutif MHTC, Datuk Ooi Say Chuan.

Mengulas lanjut mengenai pengecualian cukai, Najib berkata, ia adalah untuk menggalakkan hospital swasta mengembangkan kapasiti mereka, kerajaan akan menyediakan pengecualian cukai yang bersamaan dengan 100 peratus modal perbelanjaan kelayakan ditanggung bagi tempoh lima tahun bagi pembinaan hospital baru atau penambahbaikan hospital sedia ada.

Berhubung permit kerja secara automatik, Najib berkata, permit berkenaan akan diberikan kepada isteri atau suami rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dalam bidang perubatan.

Katanya, bagi memudahkan urusan ketibaan, penginapan dan kepulangan pelancong kesihatan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) akan mengeluarkan permit kepada kenderaan hospital untuk menjalankan urusan penghantaran pesakit dan pengiring dari lapangan terbang, pelabuhan dan hotel ke hospital.

¶ Selain itu, pesakit asing yang memasuki Malaysia bagi mendapatkan rawatan kecemasan menggunakan visa semasa ketibaan (VOT) dibenarkan menukar status VOT kepada lawatan sosial berdasarkan cadangan yang diberikan hospital.

¶ Kelulusan bagi melanjutkan tempoh masa tinggal di negara ini atas tujuan mendapatkan rawatan juga akan dipercepatkan,¶ katanya.

Najib berkata, kos mendapat rawatan di negara ini lebih murah berbanding beberapa negara maju dan sedang membangun.

Sebagai contoh, katanya, prosedur penggantian tempurung lutut yang biasanya menelan kos sebanyak AS\$40,000 (RM140,000) di Amerika Syarikat dan AS\$13,000 (RM45,500) di Singapura hanya membabitkan kos RM8,000 di negara ini.

---

Hak Cipta Terpelihara 2007 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.